

**PENGUNAAN PERKHIDMATAN BAS MINI
DALAM KALANGAN PELAJAR DI SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN ENKILILI,
SARAWAK**



DELLA LOO ANAK GANSOR

UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN
KEMANUSIAAN**


UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2022

**PENGGUNAAN PERKHIDMATAN BAS MINI
DALAM KALANGAN PELAJAR DI SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN EN GKILILI,
SARAWAK**

DELLA LOO ANAK GANSOR

**LATIHAN ILMIAH DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL
(GEOGRAFI)**



**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

PENGAKUAN

Latihan Ilmiah bertajuk Penggunaan Perkhidmatan Bas Mini dalam Kalangan Pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Sarawak ini telah disediakan oleh Della Loo Anak Gansor dan telah diserahkan kepada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan sebagai syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Geografi.

Tarikh: 11 Ogos 2022

Dellaloo

Della Loo Anak Gansor

Ba19110474



UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **DELLA LOO ANAK GANSOR**

NO MATRIK : **BA19110474**

TAJUK : **PENGUNAAN PERKHIDMATAN BAS MINI DALAM
DALAM KALANGAN PELAJAR DI SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN ENKILILI,
SARAWAK.**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN
KEPUJIAN (GEOGRAFI)**



DISAHKAN OLEH:

TANDATANGAN

PENYELIA UTAMA

DR. HARIFAH BINTI MOHD NOOR

Harifah

PENGHARGAAN

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana memberkati saya sepanjang masa sehingga saya dapat menyempurnakan Latihan Ilmiah ini. Melalui ruangan ini, saya merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Dr. Harifah Binti Mohd Noor. Beliau telah banyak memberikan sokongan, dorongan, bantuan dan bimbingan kepada saya untuk menyempurnakan serta menyiapkan Latihan Ilmiah ini dengan jayanya. Ucapan terima kasih juga buat semua para pensyarah yang telah banyak membimbing dan memberikan ilmu sepanjang saya meneruskan pengajian ini. Pada masa yang sama, saya merakamkan jutaan terima kasih kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Sarawak kerana sudi memberikan ruang dan peluang kepada saya untuk menjalankan kajian ini dengan jayanya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada para senior yang telah banyak membantu dan memberikan kata semangat kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini. Setinggi-tinggi sanjungan dan penghargaan saya tujukan kepada ibu bapa dan ahli keluarga saya kerana sentiasa memberikan dorongan dan kata semangat kepada saya dalam meneruskan perjuangan ini. Tidak lupa juga, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada rakan-rakan yang telah banyak memberi bantuan dan kata semangat serta sokongan moral semasa saya berdepan dengan cabaran.

Della Loo Anak Gansor

Ba19110474

11 Ogos 2022

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi mengkaji penggunaan perkhidmatan bas mini dalam kalangan pelajar di sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Sarawak. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri penggunaan bas mini dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Sarawak. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis tahap kepuasan pelajar terhadap keberkesanan penggunaan perkhidmatan bas mini. Selain itu, objektif kajian ini adalah untuk mencadangkan langkah penambahbaikan terhadap keberkesanan perkhidmatan bas mini dalam kalangan pelajar. Bagi mencapai objektif kajian ini, pengkaji mengaplikasikan gabungan dua pendekatan iaitu pendekatan kuantitatif berasaskan kaedah berbentuk tinjauan soal selidik yang melibatkan 35 orang pelajar yang menggunakan perkhidmatan bas mini dalam kajian ini. Manakala bagi pendekatan kualitatif pula adalah berasaskan kaedah berbentuk kajian kes yang melibatkan pemerhatian dan temubual tidak berstruktur bersama tujuh orang informan termasuk pemandu bas mini. Data soal selidik dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS Statistic, teknik analisis deskriptif iaitu kekerapan, peratusan dan nilai min digunakan untuk menjelaskan dapatan kajian ini. Penemuan kajian menunjukkan bahawa ciri-ciri penggunaan perkhidmatan bas mini dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Sarawak mempunyai ciri khusus. Selain itu, dapatan kajian turut mendapati bahawa tahap kepuasan pelajar terhadap keberkesanan perkhidmatan bas mini dari aspek keselesaan, keselamatan dan kebolehsamapaian dengan nilai purata min tertinggi iaitu masing-masing 3.97, 4.06 dan 4.39. Di samping itu, dapatan kajian memperlihatkan bahawa cadangan penambahbaikan terhadap keberkesanan perkhidmatan bas mini dari aspek keselesaan, keselamatan dan kebolehsamapaian dengan nilai purata min tertinggi iaitu masing-masing 4.69, 4.57 dan 4.83. Oleh itu, dapatan kajian ini dapat membantu pihak berwajib untuk meningkatkan lagi tahap keberkesanan perkhidmatan bas mini yang disediakan.

Kata kunci: Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, bas mini, tahap kepuasan pelajar, keberkesanan, penambahbaikan.

USE OF MINIBUS SERVICES AMONG STUDENTS AT SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ENKILILI, SARAWAK

ABSTRACT

This study was conducted to examine the use of minibus service among students in Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Sarawak. The objective of this study is to identify the characteristics of minibus use among students at Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Sarawak. In addition, this study aims to analyze the level of student satisfaction on the effectiveness of the use of minibus services. In addition, the objective of this study is to suggest measures to improve the effectiveness of minibus services among students. To achieve the objectives of this study, the researcher applied a combination of two approaches, namely a quantitative approach based on survey methods in the form of questionnaires involving 35 students who use the minibus service in this study. While the qualitative approach is based on a case study method that involves observations and unstructured interviews with seven informants including minibus drivers. Questionnaire data were analyzed using IBM SPSS Statistic software, descriptive analysis techniques namely frequency, percentage and mean value were used to explain the findings of this study. The findings of the study show that the characteristics of the use of minibus services among students at Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Sarawak have specific characteristics. In addition, the findings of the study also found that the level of student satisfaction with the effectiveness of the minibus service from the aspects of comfort, safety and accessibility with the highest mean values of 3.97, 4.06 and 4.39 respectively. In addition, the findings of the study show that the suggested improvements to the effectiveness of the minibus service from the aspects of comfort, safety and accessibility with the highest average value of 4.69, 4.57 and 4.83 respectively. Therefore, the findings of this study can help the authorities to further improve the level of effectiveness of the minibus services provided.

Keywords: Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, minibus, student satisfaction level, effectiveness, improvement.

SENARAI KANDUNGAN

	HALAMAN
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI FOTO	xvii
SENARAI SINGKATAN PERKATAAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Objektif Kajian	8



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.6	Matlamat Kajian	8
1.7	Definisi Konseptual	8
1.7.1	Pelajar	9
1.7.2	Sekolah	9
1.7.3	Pengangkutan	10
1.7.4	Mod Pengangkutan	10
1.7.5	Bas Mini	11
1.7.6	Tahap Kepuasan Pelajar	11
1.8	Kepentingan Kajian	11
1.9	Skop Kajian	12
1.10	Lokasi Kajian	13
1.11	Ringkasan Kajian	15
1.12	Kesimpulan	17

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	18
2.2	Intipati Kajian	19
2.2.1	Geografi	19
2.2.2	Geografi Manusia	19
2.2.3	Geografi Pengangkutan	20
2.3	Pembangunan Sektor Pengangkutan di Malaysia	21
2.4	Masalah dan Isu-isu Perkhidmatan Bas di Malaysia	22
2.5	Kajian Mengenai Perkhidmatan Bas di Malaysia	24
2.6	Kajian Mengenai Tahap Keberkesanan Perkhidmatan Bas	27
2.7	Kajian Mengenai Perkhidmatan Pengangkutan Bas ke Sekolah	28
2.7.1	Kajian Lepas Mengenai Perkhidmatan Bas ke Sekolah	

	di Luar Negara	28
2.7.2	Kajian Lepas Mengenai Perkhidmatan Bas ke Sekolah di Malaysia	32
2.8	Pengukuran Keberkesanan Pengangkutan Awam	34
2.8.1	Faktor Keselesaan	34
2.8.2	Faktor Keselamatan	36
2.8.3	Faktor Kebolehsampaian	37
2.8.4	Faktor Kebolehpercayaan	38
2.9	Kesimpulan	39

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	41
3.2	Reka Bentuk Kajian	41
3.3	Teknik Pengumpulan Data	43
3.3.1	Data Primer	43
3.3.2	Data Sekunder	57
3.4	Teknik Analisis dan Persembahan Data	59
3.4.1	Kuantitatif	59
3.4.2	Kualitatif	60
3.5	Carta Alir	61
3.6	Kesimpulan	62

BAB 4: DAPATAN DAN ANALISIS KAJIAN

4.1	Pengenalan	63
4.2	Demografi Responden	64
4.3	Ciri-ciri Penggunaan Perkhidmatan Bas Mini dalam Kalangan	

Pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Sarawak	67
4.3.1 Bilangan Penumpang Bas Mini	67
4.3.2 Kekerapan Menggunakan Bas Mini dalam Seminggu	68
4.3.3 Waktu Menunggu Bas Mini untuk ke Sekolah	70
4.3.4 Waktu Menunggu Bas Mini untuk ke Rumah	71
4.3.5 Jam Menunggu Bas Mini Waktu Pagi	74
4.3.6 Jam Menunggu Bas Mini Waktu Petang	75
4.3.7 Jarak dari Rumah ke Sekolah	77
4.3.8 Pengangkutan Sampingan	78
4.4 Tahap Kepuasan Pelajar Terhadap Keberkesanan	
Perkhidmatan Bas Mini	79
4.4.1 Keselesaan	79
4.4.2 Keselamatan	86
4.4.3 Kebolehsampaian	91
4.5 Cadangan Penambahbaikan Terhadap Perkhidmatan Bas Mini	95
4.5.1 Keselesaan	95
4.5.2 Keselamatan	98
4.5.3 Kebolehsampaian	101
4.6 Kesimpulan	104
BAB 5: PERBINCANGAN DAN RUMUSAN	
5.1 Pengenalan	106
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian Berdasarkan Objektif Kajian	106
5.2.1 Ciri-ciri Penggunaan Perkhidmatan Bas Mini	106
5.2.2 Tahap Kepuasan Keberkesanan Bas Mini	109
5.2.3 Penambahbaikan Terhadap Keberkesanan Perkhidmatan	

	Bas Mini	112
5.3	Implikasi Kajian	118
	5.3.1 Ilmu Pengetahuan	118
	5.3.2 Pratikal	119
5.4	Cadangan untuk Pengkaji akan Datang	120
	5.4.1 Mengkaji tentang Peranan Pihak Berkuasa atau Kerajaan dalam Menyediakan Perkhidmatan Pengangkutan ke Sekolah untuk Pelajar di Luar Bandar	120
	5.4.2 Mengkaji tentang Langkah untuk Memperkasa Perkhidmatan Pengangkutan ke Sekolah untuk Pelajar di Luar Bandar	121
	5.4.3 Mengkaji tentang Perkhidmatan Jenis Pengangkutan yang Lain dalam Kalangan Pelajar Sekolah di Luar Bandar	121
	Rumusan	121
	RUJUKAN	123
	LAMPIRAN	133

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
Jadual 1.1:	Jadual statistik kemalangan jalan raya di Sarawak dari tahun 2017 sehingga 2021.	2
Jadual 3.1:	Skala likert mengenai tahap kepuasan pelajar terhadap keberkesanan perkhidmatan bas mini dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Sarawak.	45
Jadual 3.2:	Skala likert mengenai langkah penambahbaikan terhadap keberkesanan perkhidmatan bas mini dalam kalangan pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Sarawak.	46
Jadual 3.3:	Jadual Penentuan Saiz Sampel.	48
Jadual 3.4:	Tahap kebolehppercayaan soalan.	50
Jadual 3.5:	Nilai Cronbach alpha (α) bagi tahap kepuasan pelajar terhadap keberkesanan penggunaan perkhidmatan bas mini dari aspek keselesaan.	50
Jadual 3.6:	Nilai Cronbach alpha (α) bagi tahap kepuasan pelajar terhadap keberkesanan penggunaan perkhidmatan bas mini dari aspek keselamatan.	51
Jadual 3.7:	Nilai Cronbach alpha (α) bagi tahap kepuasan pelajar terhadap keberkesanan penggunaan perkhidmatan bas mini dari aspek kebolehsampaian.	52

Jadual 3.8:	Nilai Cronbach alpha (α) bagi cadangan penambahbaikan terhadap keberkesanan perkhidmatan bas mini dalam kalangan pelajar dari aspek keselesaan.	53
Jadual 3.9:	Nilai Cronbach alpha (α) bagi cadangan Penambahbaikan terhadap keberkesanan Perkhidmatan bas mini dalam kalangan pelajar dari aspek keselamatan.	54
Jadual 3.10:	Nilai Cronbach alpha (α) bagi cadangan penambahbaikan terhadap keberkesanan perkhidmatan bas mini dalam kalangan pelajar dari aspek kebolehsampaian.	55
Jadual 3.11:	Interprestasi skor min.	56
Jadual 4.1:	Demografi responden.	65

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Halaman
Rajah 2.1:	Intipati kajian.	19
Rajah 2.2:	Model pengukuran keberkesanan pengangkutan awam.	39
Rajah 4.1:	Bilangan penumpang bas mini.	68
Rajah 4.2:	Kekerapan menggunakan bas mini dalam seminggu.	69
Rajah 4.3:	Waktu menunggu bas mini untuk ke sekolah.	71
Rajah 4.4:	Waktu menunggu bas mini untuk ke rumah.	73
Rajah 4.5:	Jam menunggu bas mini waktu pagi.	75
Rajah 4.6:	Jam menunggu bas mini waktu petang.	77
Rajah 4.7:	Jarak dari rumah ke sekolah.	78
Rajah 4.8:	Pengangkutan sampingan.	79
Rajah 4.9:	Tahap kepuasan pelajar terhadap keberkesanan perkhidmatan bas mini dari aspek keselesaan.	85
Rajah 4.10:	Tahap kepuasan pelajar terhadap keberkesanan perkhidmatan Bas mini dari aspek keselamatan.	90
Rajah 4.11:	Tahap kepuasan pelajar terhadap keberkesanan perkhidmatan bas mini dari aspek kebolehsampaian.	95
Rajah 4.12:	Cadangan penambahbaikan terhadap keberkesanan Perkhidmatan bas mini dari aspek keselesaan.	98
Rajah 4.13:	Cadangan penambahbaikan terhadap keberkesanan Perkhidmatan bas mini dari aspek keselamatan.	101
Rajah 4.14:	Cadangan penambahbaikan terhadap keberkesanan Perkhidmatan bas mini dari aspek kebolehsampaian.	104

SENARAI FOTO

No. Foto		Halaman
Foto 1.1:	Peta Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Sarawak.	14
Foto 2.1:	Peta Bahagian Engkilili.	14
Foto 4.1:	Perkhidmatan bas mini yang digunakan oleh para Pelajar.	66
Foto 4.2:	Suasana atau keadaan pelajar di dalam bas mini.	66



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SINGKATAN PERKATAAN

SALCRA	-	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	-	Institusi Tinggi Swasta
MDLA	-	Majlis Daerah Lubok Antu
KUIS	-	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
FEP	-	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
SPSS	-	Statistical Package for Social Sciences
SPAD	-	Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	HALAMAN
Lampiran A : Foto hasil pemerhatian	133
Lampiran B : Borang Soal Selidik	135
Lampiran C : Transkrip Temubual bersama Informan	144
Lampiran D : Peratus Persamaan Indeks Turnitin	160



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Medium pengangkutan merupakan medium yang mempunyai peranan penting dalam kehidupan manusia bermula sejak zaman berzaman lagi untuk memudahkan manusia memperoleh rezeki, memudahkan pengangkutan barang dan memudahkan pergerakan manusia daripada satu tempat ke satu tempat yang lain. Penggunaan pengangkutan sebagai salah satu alternatif dalam sistem perhubungan di dunia tidak dapat dinafikan dimana wujudnya pelbagai jenis mod pengangkutan seperti mod pengangkutan darat, air dan udara. Kepelbagaian mod pengangkutan yang ada dianggap sebagai nadi penggerak dan pendapatan dalam kalangan masyarakat (Siti Faridah, 2011). Kebanyakan negara yang sedang mengalami proses pembangunan percaya bahawa jaringan jalan raya dan perkhidmatan pengangkutan untuk pengguna dan barangan adalah syarat utama untuk mencapai puncak ketinggian tamadun dan kesejahteraan hidup (Abd Rahim & Mazdi, 2000) di dalam (Marzuki & shak, 2006).

Pengangkutan awam yang seringkali digunakan dalam kalangan para pelajar adalah bas sekolah dan bas berhenti-henti manakala pengangkutan persendirian yang digunakan dalam kalangan pelajar adalah terdiri daripada motosikal dan kereta bagi mereka yang mempunyai pendapatan tinggi (Marzuki & shak, 2006). Namun begitu, Mazdi Marzuki & Jamilah Mohamad (2006) mengatakan bahawa perbezaan peringkat umur memerlukan jenis mod pengangkutan yang berbeza-beza. Kenyataan ini dikuatkan dengan hujah yang mengatakan bahawa peringkat umur persekolahan akan menggunakan perkhidmatan bas sekolah mengikut masa-masa tertentu.

Keadaan ini membuktikan bahawa pengangkutan mampu untuk mewujudkan perjalanan, memperluas bidang pendidikan kepada para pelajar tanpa menghadapi pelbagai rintangan dan menyempurnakan trip ke sekolah dalam kalangan pelajar (Mazdi Marzuki & Jamilah Mohamad, 2006). Kesempurnaan dalam mod pengangkutan menyebabkan semakin banyak pelajar melakukan lebih banyak trip ke destinasi yang lebih jauh.

Kemudahan perkhidmatan pengangkutan ini memudahkan urusan ibu bapa atau penjaga untuk menghantar pelajar ke sekolah terutamanya dalam kalangan ibu bapa atau penjaga yang mempunyai komitmen dalam kerjaya mereka (Marzuki & shak, 2006). Namun begitu, di sebalik kepelbagaian perkhidmatan yang ditawarkan ini mempunyai banyak risiko yang bakal ditempuh oleh para pelajar semasa menggunakan perkhidmatan pengangkutan sekolah dan semasa berada di jalan raya. Menurut hasil kajian yang dilakukan oleh Muhammad Shahid (1997) di dalam Marzuki & shak (2006) memberi kenyataan bahawa punca kemalangan jalan raya adalah bermula daripada kesalahan para pemandu iaitu sebanyak hampir 94 peratus. Kemalangan yang berlaku tidak mengira usia, pangkat dan kedudukan dan keadaan ini membuktikan bahawa para pelajar sekolah turut mempunyai risiko terhadap kemalangan sekiranya aspek keselamatan semasa menggunakan perkhidmatan pengangkutan tidak diendahkan.

Laporan statistik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dari tahun 2017 sehingga 2019 menunjukkan kadar peningkatan iaitu dengan jumlah kemalangan sebanyak 533 875 pada tahun 2017 serta mencatatkan jumlah sebanyak 548 592 pada tahun 2018 dan mencatatkan bilangan kemalangan sebanyak 567 451 pada tahun 2019. Namun pada tahun 2020 dan 2021 kadar kemalangan semakin berkurang dengan catatan sebanyak 418 237 pada tahun 2020 dan 204 644 pada tahun 2021. Memetik laporan yang diketengahkan dalam berita online Astro Awani (2017) menunjukkan bahawa pelajar sekolah merupakan golongan penyumbang kemalangan maut. Dalam akhbar online ini menyatakan bahawa lebih daripada 1000 kematian kesan daripada kemalangan jalan raya dicatatkan dalam kalangan pelajar sekolah pada bulan Januari hingga September tahun 2017. Angka kematian tersebut termasuklah pelajar sekolah yang berusia dalam lingkungan 6 sehingga 20 tahun dimana jumlah pelajar yang mengalami cedera parah adalah sebanyak 1150 orang manakala 1675 mengalami cedera ringan. Secara keseluruhan seramai 5083

kematian dicatatkan daripada 400 788 kes kemalangan jalan raya di Terengganu dalam lingkungan bulan Januari hingga September tahun 2017. Daripada jumlah tersebut sebanyak 1077 kematian dicatatkan membabitkan pelajar sekolah berusia 6 hingga 20 tahun (Astro Awani, 2017). Kemalangan jalan raya yang paling ketara adalah melibatkan penunggang motosikal yang berusia lingkungan 16 tahun sehingga 25 tahun adalah tertinggi iaitu seramai 1043 kes daripada 3232 kes (Astro Awani, 2017).

Jadual 1.1: Jadual statistik kemalangan jalan raya di Sarawak dari tahun 2017 sehingga 2021.

Tahun	Jumlah kemalangan
2017	533 875
2018	548 592
2019	567 451
2020	418 237
2021	204 644

Sumber: Diubahsuai daripada Polis Diraja Malaysia PDRM, 2021

1.2 Latar Belakang Kajian

Penggunaan mod pengangkutan bas dalam kalangan para pelajar bagi melakukan trip ke sekolah merupakan satu perkara yang tidak menghairankan di Malaysia. Penggunaan mod pengangkutan bas merupakan salah satu alternatif yang berjaya menghubungkan pelajar dengan sekolah. Kewujudan mod pengangkutan bas di luar bandar khususnya di Engkilili, Sarawak amatlah terhad kerana pekan ini jauh daripada proses pembangunan. Kepincangan pihak kerajaan dalam mengurus dan menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam menjadi satu kekangan kepada pelajar di luar bandar untuk melakukan trip ke sekolah. Pernyataan ini turut diperkuatkan dengan kajian yang dilakukan oleh Boisjoly dan El-Geneidy (2017) dengan membincangkan bahawa pelbagai punca yang mencetuskan masalah dalam memastikan ketersampaian pengangkutan antara satu lokasi dengan lokasi yang lain. Dalam kajian tersebut menyatakan bahawa perancangan pengangkutan awam yang tidak efisien dan ketidakpedulian terhadap tanggungjawab untuk meningkatkan

kemajuan dalam pengangkutan awam adalah salah satu kepincangan dalam pentadbiran sistem pengangkutan. Manakala, kajian yang dilakukan oleh Taylor dan Fank (2003) dan disokong oleh Harifah (2015) mengetengahkan bahawa terdapat faktor dalaman yang mencetus kepada ketiadaan pengangkutan awam iaitu berpunca daripada dimensi sesebuah organisasi sistem pengangkutan awam yang merangkumi polisi, sistem pengurusan, pentadbiran dan segala perkara yang berkaitan dengan kewangan. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa berlakunya isu ketersampaian yang rendah dalam kalangan masyarakat dan pelajar terhadap pengangkutan awam. Hal ini menyebabkan berlakunya isu ponteng sekolah pada tahun 2000 sehingga 2003 di Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Sarawak atas alasan tiada perkhidmatan pengangkutan untuk melakukan trip ke sekolah.

Umum mengetahui bahawa taraf ekonomi penduduk atau masyarakat luar bandar pada ketika itu berada pada aras yang sangat rendah dan keadaan ini menyukarkan para ibu bapa untuk menyediakan pengangkutan khusus bagi anak-anak untuk melakukan trip ke sekolah. Sebagai contoh, pada ketika itu ibu bapa atau penjaga tidak mampu membeli kereta, motosikal dan basikal atas alasan kesempitan dari segi sosio ekonomi. Kajian oleh Noria Tugang (2004) membuktikan bahawa majoriti masyarakat Iban sekadar menjalankan kegiatan ekonomi seperti pertanian, perternakan, perikanan dan mencari sumber-sumber hutan atau memburu binatang. Selain itu, merumus kepada dapatan kajian yang dilakukan oleh Haslindah (2018) menyatakan bahawa majoriti orang Iban tinggal di rumah panjang yang dibina daripada kayu belian dan pelbagai jenis kayu lain. Tempoh mereka bermastautin di sesebuah rumah panjang tersebut adalah dalam lingkungan 30 hingga 40 tahun. Namun, pada masa kini majoriti masyarakat Iban membina rumah panjang menggunakan batu-bata dan simen malah reka bentuk atau corak yang digunakan adalah sangat moden (Haslindah, 2018). Hasil kajian ini jelas menunjukkan bahawa tahap kemampuan masyarakat pada masa itu sangat rendah.

Rententan daripada perkara tersebut, pihak Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) telah menyediakan sebuah bas pekerja khas untuk para pelajar di Pekan Engkilili, Sarawak untuk melakukan trip ke sekolah. Perkhidmatan bas mini ini dimulakan kira-kira pada tahun 2004 oleh pihak SALCRA bagi menyokong dan menyuntik semangat kepada para pelajar untuk menuntut ilmu ke sekolah. Perkhidmatan bas mini ini diberi keutamaan kepada anak-anak para

petani yang bekerja di ladang SALCRA Merindun yang pada dahulunya merangkumi beberapa buah kampung iaitu Merindun Skim, Sebeliau, Samueh dan Sedarat. Sehubungan dengan itu, perkhidmatan bas mini hanya menghantar pelajar ke Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili dan pelajar Sekolah Kebangsaan Ridan. Bas mini ini boleh memuatkan seramai 30 sehingga 35 orang penumpang. Pemandu pertama yang berkhidmat dalam menghantar dan menjemput para pelajar sekolah dikenali sebagai Encik Lee Kee Chun yang telah berkhidmat selama kira-kira 13 tahun iaitu pada 2004 sehingga 2016. Setelah itu, tanggungjawab untuk menghantar dan menjemput para pelajar diambil alih oleh Encik Sawang Anak Sangah yang mula berkhidmat pada 2016 sehingga kini. Kini, usia bas mini kira-kira 17 tahun dan perkhidmatan bas mini ini masih kekal aktif dijalankan oleh pihak SALCRA untuk terus menyokong para pelajar dalam menjalankan tanggungjawab mereka. Perkhidmatan bas mini ditawarkan secara percuma kepada semua pelajar bagi meringankan beban ibu bapa dan penjaga mereka serta memberi galakkan untuk meneruskan proses pembelajaran para pelajar.

Kajian ilmiah ini menjurus kepada kajian mod pengangkutan darat iaitu perkhidmatan bas pekerja sebagai mod pengangkutan pelajar melakukan trip ke sekolah. Kajian ini akan melihat ciri-ciri penggunaan perkhidmatan bas mini dan keberkesanan perkhidmatan bas mini dalam menghantar dan menjemput pelajar dan mencadangkan langkah penambahbaikan terhadap tahap keberkesanan bas mini.

1.3 Permasalahan Kajian

Trip sekolah adalah satu perjalanan wajib yang perlu dilakukan oleh para pelajar pada setiap hari persekolahan. Pengangkutan merupakan elemen penting bagi pelajar untuk melakukan trip perjalanan dan pengangkutan ini merupakan skop yang sangat penting bagi memudahkan urusan pelajar untuk sampai ke sekolah (Kamarudin et al., 2020). Penggunaan pengangkutan yang terunggul dalam kalangan para pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Sarawak adalah pengangkutan persendirian, perkhidmatan van berbayar dan perkhidmatan percuma oleh pihak Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA). Pengangkutan sedemikian penting bagi memudahkan urusan ibu bapa dalam menghantar anak-anak untuk melakukan trip ke sekolah. Memetik hasil kajian yang telah dilakukan oleh Marzuki & shak (2006) ibu bapa sekadar membayar tambang

setiap bulan kepada pengusaha van persendirian manakala bagi ibu bapa yang berpendapatan tinggi pula hanya perlu menyediakan motosikal dan kereta untuk anak-anak melakukan trip ke sekolah. Kemudahan pengangkutan ini jelas memberikan kesenangan kepada ibu bapa mahupun penjaga tetapi faktor keselamatan para pelajar sering diabaikan. Kenyataan ini diperkuatkan lagi dengan kajian oleh Marzuki & shak (2006) yang menyatakan bahawa ibu bapa tidak pernah mempedulikan tahap keselamatan anak-anak semasa menggunakan perkhidmatan pengangkutan sekolah.

Keadaan ini tiada bezanya dengan fenomena yang berlaku dalam kalangan para pelajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Engkilili, Sarawak. Isu yang selalu menjadi perbualan hangat para pelajar mengenai perkhidmatan pengangkutan bas mini yang disediakan oleh pihak SALCRA adalah mengenai tahap keselamatan pelajar. Keselamatan para pelajar dalam menggunakan perkhidmatan bas mini ini selalu menjadi persoalan memandangkan usia bas ini sudah mencecah hampir 17 tahun penggunaannya. Hasil daripada pemerhatian pengkaji, perkhidmatan bas ini tidak dilengkapi dengan tali pinggang keselamatan, kekurangan alat bantu kecemasan, tiada penyediaan alat pemadam api dan permukaan lantai yang kurang memuaskan. Tahap keselamatan pelajar semakin merungsiakan semenjak wujudnya penyakit Covid-19, dimana wujudnya isu penjagaan jarak sosial dalam kalangan pelajar yang menggunakan perkhidmatan bas mini untuk melakukan trip ke sekolah.

Selain itu, kesesuaian para pelajar dalam menggunakan perkhidmatan bas mini ini turut menjadi persoalan. Perkhidmatan bas yang disediakan oleh pihak SALCRA ini tidak dilengkapi dengan penghawa dingin dan hanya mengharapkan pengudaraan dari luar. Menurut kajian oleh Harifah Mohd Noor et al., (2016) di dalam Mohd Syafiq Asyraf & Zurinah (2020) luas bas mini yang padat menyukarkan pemasangan penghawa dingin serta ruang yang kecil menyebabkan kesukaran bagi golongan Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas dan ibu mengandung untuk menyelesaikan diri di dalam bas mini. Keadaan ini membuktikan bahawa tahap kesesuaian pelajar yang menggunakan perkhidmatan bas mini ini berada dalam persoalan.

Malah, tahap kesesuaian para pelajar yang menggunakan perkhidmatan bas mini khususnya dalam kalangan pelajar perempuan menjadi persoalan kerana